

# DIMENSI KOMUNIKASI DAN DIMENSI AGEN PERUBAHAN SEBAGAI FAKTOR PENDORONG KEBERKESANAN AGENSI PERTANIAN: SATU ANALISIS KUALITATIF

## COMMUNICATION AND CHANGE AGENT DIMENSIONS AS DRIVE FACTORS OF AGRICULTURAL AGENCY EFFECTIVENESS: A QUALITATIVE ANALYSIS

Muhammad Pehimi bin Yusof <sup>1</sup>  
Zainudin bin Omar <sup>2</sup>  
Md Zawawi Abu Bakar <sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia  
Email: [pehimi@gmail.com](mailto:pehimi@gmail.com)

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia  
Email: [umarzain@yahoo.com](mailto:umarzain@yahoo.com)

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia  
Email: [mdzawawi@uum.edu.my](mailto:mdzawawi@uum.edu.my)

### Article history

**Received date** : 2-8-2026  
**Revised date** : 3-8-2026  
**Accepted date** : 7-9-2026  
**Published date** : 20-9-2026

### To cite this document:

Yusof, M. P., Omar, Z., & Abu Bakar, M. Z. (2026).  
Dimensi komunikasi dan dimensi agen perubahan  
sebagai faktor pendorong keberkesanan agensi  
pertanian: Satu analisis kualitatif. *Journal of Islamic,  
Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (86),  
518 – 532.

**Abstrak:** Kajian ini memberi tumpuan kepada dua dimensi, iaitu dimensi komunikasi dan dimensi agen perubahan yang menjadi faktor utama dalam meningkatkan kompetensi sesebuah agensi pertanian. Ianya dilihat dari perspektif petani dan para pengurus agensi yang terlibat. Kajian lepas menunjukkan bahawa komunikasi merupakan dimensi paling dominan, manakala dimensi peranan kakitangan agensi pertanian selaku agen perubahan sangat signifikan dalam menjayakan sesebuah dasar pertanian. Dimensi ini menjadi yang kedua paling ketara yang mempengaruhi tahap keberkesanan peranan agensi pertanian. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual separa struktur melibatkan lapan orang responden yang terdiri daripada wakil petani dan kakitangan agensi pertanian di negeri Terengganu. Data yang terkumpul dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengetahui corak, isu dan tema utama yang timbul daripada pengalaman responden. Hasil kajian mendapati wujud jurang komunikasi yang ketara antara pihak agensi dan petani termasuk ketidakselarasan maklumat, kelemahan komunikasi dua hala, kekurangan pemantauan di lapangan serta pergantungan petani kepada media sosial sebagai sumber maklumat alternatif. Dapatan turut menunjukkan bahawa pendekatan komunikasi yang bersifat “top-down” menyebabkan kurangnya input daripada pihak petani. Dari segi peranan pegawai agensi pertanian dapatan mendapati terdapat kekangan pelaksanaan polisi disebabkan oleh pelbagai faktor yang menyumbang kepada tahap kepercayaan yang rendah terhadap agensi sebagai agen perubahan dalam bidang pertanian. Faktor ini termasuklah aras pengetahuan pegawai agensi, serta ketiadaan jadual berkala di mana pegawai dan kakitangan tidak

*melakukan pemantauan berkala di lapangan. Situasi ini memberi implikasi secara menyeluruh kepada pihak agensi mahupun petani. Kajian ini mencadangkan keperluan kepada sistem komunikasi yang lebih responsif dan berstruktur dalam memperkukuhkan lagi tadbir urus pertanian. Model komunikasi yang dicadangkan berpotensi menjadi asas kepada penambahbaikan dasar dan amalan pentadbiran agensi pertanian di peringkat akar umbi.*

**Kata kunci:** komunikasi, agen perubahan, tadbir urus, pertanian, agensi pertanian, analisis tematik, negeri Terengganu.

**Abstract:** *This study focuses on two dimensions, which is communication and the role of change agents—which are key factors in enhancing the competence of agricultural agencies. These dimensions are examined from the perspectives of both farmers and the agency managers involved. Previous research indicates that communication is the most dominant dimension, while the role of agricultural agency staff as change agents is highly significant to the success of agricultural policies; this latter dimension is the second most prominent factor influencing the effectiveness of agricultural agencies. The researcher employed a qualitative approach using semi-structured interviews with eight respondents, comprising farmer representatives and agricultural agency staff in Terengganu. The collected data were analyzed using thematic analysis to identify patterns, issues, and key themes emerging from the respondents' experiences. The study revealed a significant communication gap between the agency and farmers, characterized by information inconsistencies, weak two-way communication, a lack of field monitoring, and farmers' reliance on social media as an alternative information source. Findings also indicate that a "top-down" communication approach results in limited input from farmers. Regarding the role of agricultural agency officers, the study identified policy implementation constraints driven by various factors that contribute to low levels of trust in the agency as a change agent in the agricultural sector. These factors include the officers' knowledge levels and the absence of a schedule for regular field monitoring. This situation has broad implications for both the agency and the farmers. The study proposes the need for a more responsive and structured communication system to strengthen agricultural governance. The proposed communication model has the potential to serve as a foundation for improving policies and administrative practices within agricultural agencies at the grassroots level.*

**Keywords:** communication, change agent, governance, agriculture, agricultural agency, thematic analysis, Terengganu.

## Pengenalan

Pembangunan sektor pertanian khususnya di negeri Terengganu tidak lagi hanya bergantung kepada faktor fizikal seperti tanah, tenaga kerja dan alatan pertanian sahaja tetapi ianya turut dipengaruhi oleh aspek bukan fizikal seperti komunikasi, penyampaian maklumat dan tahap keupayaan dan keberkesanan agensi dalam menyampaikan maklumat kepada petani. Komunikasi yang berkesan antara dua pihak, iaitu petani dan agensi pertanian memainkan peranan penting bagi memastikan maklumat berkaitan teknologi pertanian, bantuan, sokongan yang diperlukan oleh petani dapat disampaikan dengan jelas dan tepat kepada kumpulan sasaran. Kegagalan aspek komunikasi menyebabkan berlakunya jurang dalam penyampaian maklumat, salah faham atau keperluan petani tidak terpenuhi dengan sepatutnya apa yang diperlukan, serta ketidakselarasan antara dasar yang dirancang oleh agensi pertanian Terengganu dengan perlaksanaannya dari akar umbi.

Selain itu, peranan agensi pertanian sebagai agen perubahan juga merupakan faktor yang mendorong kepada transformasi pertanian. Agen perubahan merujuk kepada usaha yang dijalankan oleh agensi-agensi berkaitan untuk menyampaikan pelbagai maklumat berkenaan aktiviti yang melibatkan pertanian secara menyeluruh kepada para petani bertujuan untuk meningkatkan produktiviti hasil pertanian. Secara umumnya, agen perubahan juga dikenali sebagai pengembangan pertanian dalam konteks sektor pertanian di mana ianya merujuk kepada usaha yang dilaksanakan oleh agensi-agensi berkaitan untuk menyampaikan pelbagai maklumat berkenaan inovasi pertanian kepada para petani dengan tujuan meningkatkan produktiviti serta menaiktaraf kesejahteraan hidup mereka (Fahmi, Rosli & Khairi, 2016). Kedua-dua faktor ini memainkan peranan penting, di mana komunikasi berfungsi sebagai medium utama penyaluran maklumat manakala agen perubahan pula bertindak sebagai pemangkin dalam pelaksanaan pembangunan aktiviti pertanian.

Kebiasaannya, di setiap agensi pertanian mempunyai unit khas yang ditubuhkan secara spesifik untuk menyediakan khidmat nasihat kepada pelanggan khususnya petani. Ianya bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam mengaplikasikan kaedah serta memperoleh maklumat tentang pertanian bagi menambak produktiviti dalam sektor pertanian (Bahaman, Jegak, Khadijah, 2009). Berdasarkan tinjauan awal pengkaji di negeri Terengganu, dapat dilihat agensi utama yang bertanggungjawab dalam hal pertanian adalah Jabatan Pertanian Negeri Terengganu (JPNT) yang bertanggungjawab dalam hal pembangunan tanaman, pemindahan teknologi serta bimbingan petani. Jabatan ini juga merangka pelan strategik pertanian 2024-2030 bagi seluruh sektor pertanian di Terengganu. Selain itu, dalam konteks pembangunan sektor pertanian di negeri Terengganu, pelbagai agensi kerajaan lain samada di peringkat negeri mahupun persekutuan memainkan peranan penting dalam merancang, menyelaraskan dan melaksanakan dasar serta program berkaitan.

Selain Jabatan Pertanian Negeri Terengganu, terdapat juga Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) yang berperanan memperkasa aktiviti pertanian dan industri asas tani di kawasan luar bandar, khususnya di kawasan Hulu Terengganu. Seterusnya agensi seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang menyokong komuniti peladang melalui penyediaan sumber pertanian seperti baja, racun tanaman dan biji benih. LPP juga menyediakan latihan dan bimbingan serta pengurusan organisasi. Secara keseluruhannya, penglibatan pelbagai agensi ini menunjukkan bahawa pembangunan sektor pertanian di Terengganu dilaksanakan secara bersepadu melalui kerjasama pelbagai pihak dan agensi bagi memastikan peningkatan produktiviti, kesejahteraan petani serta kelestarian sumber pertanian di negeri tersebut.

### **Pernyataan Masalah Kajian**

Sektor pertanian di Malaysia adalah penyumbang utama kepada sumber makanan negara terutamanya penanaman padi yang menjadi sumber utama makanan Negara (Bernama, 2026). Berdasarkan data Jabatan Statistik Negara (DOSM), sektor pertanian di negeri Terengganu menunjukkan sumbangan ekonomi yang signifikan dengan nilai pengeluaran mencecah RM5.98 bilion pada tahun 2023. Pecahan mengikut subsector pula, sektor tanaman merupakan penyumbang utama dengan nilai RM4.55 bilion (76%), diikuti oleh subsector perikanan secara tangkapan (7.8%), ternakan (7.1%), serta akuakultur (4.2%). Dari segi struktur pegangan, pertubuhan pertanian menyumbang sebanyak 68% daripada keseluruhan pendapatan sektor ini, manakala pegangan individu hanya merangkumi 32%. Selain itu, seramai 97,114 tenaga kerja terlibat dalam sektor ini dengan purata gaji tahunan sebanyak RM17,373.

Namun demikian, walaupun sektor ini menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negeri, tahap pendapatan relatif dilihat rendah serta berlakunya ketidakseimbangan dalam struktur pegangan pertanian. Antara penyumbang utama keada berlakunya keadaan ini, wujudnya cabaran dari segi kerehnan birokrasi dan produktiviti dalam kalangan agensi pertanian dan serta berpunca dari kalangan petani yang menjalankan aktiviti berkaitan perladangan dan pertanian. Transformasi sektor pertanian negara dilihat lebih tertumpu kepada penerapan teknologi moden bagi meningkatkan kecekapan dan daya saing, namun tahap perlaksanaannya dalam kalangan petani masih memerlukan penelitian lanjut. Ini kerana, tanpa panduan dan bimbingan yang sepatutnya, teknologi yang moden kemungkinan akan disia-siakan kerana kekurangan ilmu pengetahuan dalam mengendalikannya. Peranan agensi dan jabatan adalah penting bagi mengoptimalkan penggunaan peralatan moden tersebut. Oleh yang demikian, situasi ini menimbulkan keperluan untuk mengkaji dan meneliti secara mendalam peranan komunikasi serta keberkesanan agensi sebagai agen perubahan dalam mempertingkatkan keberkesanan pembangunan sektor pertanian di Terengganu. Walaupun pelbagai inisiatif dan program telah dilaksanakan, tahap penyampaian maklumat, interaksi antara agensi dan petani masih kelihatan lemah dan tidak jelas.

Oleh yang demikian, kajian ini penting bagi mengenalpasti sejauhmana aspek komunikasi dan fungsi agensi memberi impak terhadap keberkesanan sektor pertanian di negeri Terengganu. Dengan demikian, kajian ini cuba menjawab beberapa persoalan pokok berkaitan isu atau dimensi komunikasi antara pihak agensi pertanian dan para petani. Antaranya meliputi persoalan berikut; Bagaimanakah krisis komunikasi berlaku antara petani dan agensi pertanian di Terengganu? Apakah bentuk dan punca utama kegagalan komunikasi dalam tadbir urus pertanian di peringkat lapangan, serta sejauh mana peranan agensi pertanian sebagai agen perubahan dalam usaha meningkatkan keberkesanan agensi pengendali sektor pertanian di Terengganu?

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijangka dapat memberi sumbangan signifikan terhadap aspek teoritikal dan kefahaman yang lebih mendalam dalam mendepani krisis komunikasi dan peranan agen perubahan dalam tadbir urus sektor pertanian khususnya berkaitan usaha-usaha meningkatkan kompetensi agen-agen pertanian di negeri Terengganu. Dari sudut teoritikal, kajian ini membantu memperbanyakkan sumbangan literatur yang berkaitan dengan komunikasi dalam sektor pertanian dengan meneliti secara menyeluruh bagaimana interaksi antara petani dan agensi pertanian. Secara khususnya, kajian ini juga diharap dapat menambah pemahaman tentang bagaimana isu-isu komunikasi yang bukan sahaja berpunca dari kelemahan saluran penyampaian maklumat, namun ianya turut dipengaruhi kerehnan birokrasi, tahap kepercayaan serta ketidakselarasan antara dasar dan pelaksanaan di peringkat akar umbi. Kajian juga diharap dapat memperlihatkan lagi bagaimana agensi pertanian bertindak sebagai agen perubahan dalam memacu sektor pertanian di Terengganu. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, kajian ini juga menyumbang maklumat dan data kepada pembinaan kerangka konseptual yang menghubungkan komunikasi, kaedah agen perubahan dan keberkesanan tadbir urus pertanian dalam satu model kompetensi yang lebih menyeluruh.

Dari segi praktikal, dapatan kajian ini diharap dapat memberi arah tuju kepada perancangan agensi pertanian dalam usaha penambahbaikan dalam pendekatan komunikasi dan sebagai agen perubahan yang lebih responsif dan terbuka terhadap keperluan sebenar petani. Kajian ini menekankan kepentingan komunikasi dua hala, penyampaian maklumat yang lebih terarah dan berkesan serta penggunaan saluran komunikasi yang bersesuaian dengan latar belakang sosio

ekonomi dan pemahaman petani. Selain itu, kajian ini turut juga mengenalpasti cabaran yang dihadapi petani dalam memperoleh maklumat pasaran dan bantuan dari agensi, secara tidak langsung membolehkan intervensi yang lebih bersasar dirangka bagi meningkatkan keberkesanan hasil pertanian.

### Kajian Lepas

Pengukur kejayaan sesebuah program atau inisiatif kerajaan dalam sektor pertanian amat bergantung kepada keberkesanan komunikasi antara pihak agensi pertanian dan petani. Oleh yang demikian, usaha untuk merapatkan jurang komunikasi antara dua pihak ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak samada dari pihak petani dan agensi kerajaan yang terlibat. Justeru, kajian ini mengangkat isu komunikasi dan peranan kakitangan agensi pertanian negeri sebagai agen perubahan dalam tadbir urus sektor pertanian di Negeri Terengganu, dengan memberi fokus kepada perspektif petani dan agensi yang saling memerlukan satu sama lain.

Selain itu pelbagai bentuk cabaran dalam komunikasi antara kedua pihak turut ditelusuri, di mana isu-isu berkaitan komunikasi dan peranan agen boleh menjejaskan keberkesanan sistem penyampaian maklumat serta perlaksanaan dasar yang dijalankan di lapangan. Selain itu, peranan agensi sebagai agen perubahan turut diberi perhatian sebagai perantara antara pihak agensi dan petani dalam memastikan maklumat disampaikan dengan jelas dan berkesan.

Kajian lepas menunjukkan bahawa komunikasi yang kurang berkesan boleh menjadi penghalang kepada penerimaan maklumat dalam kalangan petani sekaligus memberi kesan kepada tahap keberkesanan tadbir urus pertanian secara keseluruhan. Menurut Blandford (2004), antara halangan kepada keberkesanan urusan adalah apabila penerimaan mesej yang tidak sampai ke kelompok sasarannya. Komunikasi yang berkesan seharusnya memberi impak kepada kumpulan sasaran yang sedang berkomunikasi. Sehubungan dengan itu, kegagalan penyampaian maklumat secara tepat boleh menyebabkan berlakunya kekeliruan kepada penerima maklumat dan akan menyebabkan kegagalan dalam perlaksanaannya. Pendapat ini disokong oleh Buntat dan Hassan (2003) yang mana kegagalan dalam mewujudkan interaksi yang positif menjadi penyebab utama kegagalan dalam sesuatu aktiviti yang dijalankan. Dalam hal ini, petani bukan hanya akan menerima kesan daripada masalah maklumat yang tidak diterima namun, sokongan dari agensi juga tidak menemui jalan keluar apabila komunikasi antara kedua pihak menemui kegagalan.

Dalam beberapa kajian lain turut menunjukkan wujudnya masalah komunikasi antara petani dan agensi pertanian sehingga maklumat berkaitan inovasi tidak dapat disampaikan dengan berkesan (Shahrina, Noor & Saad, 2014). Keadaan ini menyebabkan wujudnya kelemahan tertentu, antaranya dalam penerimaan teknologi baru samada mesin baja ataupun teknologi kawalan biologi dalam kalangan petani. Komunikasi penting bagi memastikan petani menerima maklumat dari pihak agensi dan menjadi panduan kepada aktiviti pertanian. Tanpa komunikasi yang berkesan, penyampaian maklumat akan terjejas dan menghalang penerimaan maklumat dan sebarang inovasi baru pertanian yang telah dirancang untuk disalurkan untuk kumpulan yang tepat.

Selain itu, terdapat juga beberapa kajian yang menunjukkan bahawa jaringan komunikasi memainkan peranan penting dalam meningkatkan daya tahan sistem pertanian di kawasan luar bandar yang terpencil serta mempunyai kekangan untuk mengakses sumber. Dalam konteks ini, peranan komunikasi daripada agensi seterusnya berperanan sebagai agen perubahan penting dalam situasi begini. Dalam hal ini, hubungan dan interaksi antara individu atau kumpulan

yang melibatkan pertukaran maklumat, pengetahuan dan sumber menjadi isu kritikal yang menentukan kejayaan penyampaian sesebuah perkhidmatan (Bruce et. al, 2021).

Isu kelemahan agensi sebagai agen perubahan telah lama diperkatakan dan belum menemui jalan penyelesaian. Kajian yang dijalankan oleh Nor Malina & Mohd Zulkifli (2024) yang menjalankan kajian tentang pertanian di Negeri Kedah menunjukkan bahawa tahap dorongan dan sokongan yang disalurkan oleh agensi yang berkaitan masih kurang memberangsangkan dan masih memerlukan penambahbaikan agar lebih berkesan dalam menyokong pembangunan di negeri itu. Hal ini kerana, sebahagian besar petani yang menjalankan aktiviti pertanian sangat memerlukan bimbingan berterusan oleh pihak agensi yang bertanggungjawab sebagai agen perubahan dalam sektor pertanian.

Ini menunjukkan bahawa komunikasi memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat tentang pengurusan pertanian. Kajian lain turut memperlihatkan bahawa keberkesanan komunikasi membawa kepada saluran pemahaman maklumat kepada petani. Ianya melibatkan peranan agensi sebagai agen perubahan yang amat signifikan sebagai penghubung antara pihak agensi dan petani bagi memastikan maklumat dapat disampaikan dan difahami. Justeru, kajian ini ingin mengenalpasti dan membincangkan tentang komunikasi dan peranan agensi sebagai agen perubahan di negeri Terengganu.

### Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan kaedah pengumpulan data melalui temubual secara semi struktur. Menurut Creswell (2008), kaedah kualitatif merupakan kaedah kajian berdasarkan maklumat yang diperoleh terus dari responden. Selain itu, menurut Braun & Clarke (2006), Balitbangkers (2018) dan Rozali (2022), pendekatan kualitatif merujuk kepada proses analisis data yang menekankan pemahaman secara mendalam terhadap sesuatu fenomena.

Dalam konteks kualitatif, usaha mendapatkan kesimpulan data dilakukan melalui analisis tematik, di mana pendekatan ini melibatkan perlakuan teras seperti proses pengkodan (*coding*), pemilihan data yang relevan, serta pengelompokan data kepada tema-tema tertentu. Proses ini membolehkan penyelidik menghasilkan dapatan yang bersifat terperinci dan menyeluruh. Dengan itu pemilihan pendekatan kualitatif dalam kajian ini difikirkan menepati tujuannya, iaitu bagi meneliti secara mendalam isu-isu berkaitan komunikasi dan peranan agen perubahan di agensi-agensi pertanian negeri dalam tadbir urus sektor pertanian di Negeri Terengganu.

Pendekatan kualitatif juga dipilih dalam kajian ini kerana ianya membolehkan pengkaji memahami pengalaman, persepsi serta interpretasi responden terhadap isu komunikasi dan agensi sebagai agen perubahan serta menjadi penghubung antara agensi dan petani dalam konteks sebenar (di lapangan). Reka bentuk kajian ini memberi penekanan kepada pemahaman fenomena secara menyeluruh dan terperinci. Pendekatan ini membolehkan pengkaji memahami proses, makna dan gambaran persekitaran yang sebenar.

Seramai 8 orang (tiga orang dari pihak petani dan 5 orang dari pihak agensi pertanian) telah dipilih berdasarkan latar belakang yang berkaitan dengan sektor pertanian di Terengganu. Temubual ini dikendalikan pengkaji sendiri, dengan fokus kepada soalan-soalan dalam protocol temubual yang disusun lebih awal. Data-data yang telah diperolehi dikumpulkan dan ditranskrip kemudian dianalisis dengan mengelaskan maklumat mengikut tema.

### Responden Kajian

Seramai lapan (8) orang responden telah dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Pemilihan dibuat berdasarkan pengalaman serta penglibatan langsung responden dalam sektor pertanian di Terengganu. Mereka terdiri daripada tiga orang petani dan lima orang pegawai atau wakil dari agensi pertanian. Pendekatan ini membolehkan kajian memperoleh perspektif dua hala iaitu daripada pihak pelaksana dasar (agensi) dan penerima dasar (petani). Responden ang terdiri daripada pegawai dan bekas pegawai pertanian berasal dan berkhidmat di pelbagai daerah daerah dan kawasan di negeri Terengganu.

**Jadual 1 : Latarbelakang Responden Kumpulan Perbincangan Fokus**

| Responden   | Jantina   | Kategori Umur | Struktur Sosial              | Sejarah Pekerjaan     | Kegiatan                  |
|-------------|-----------|---------------|------------------------------|-----------------------|---------------------------|
| Responden 1 | Lelaki    | Dewasa        | Petani                       | Pesara Guru           | Tanaman Padi              |
| Responden 2 | Lelaki    | Dewasa        | Petani                       | Tentera               | Pertanian Fertigasi       |
| Responden 3 | Lelaki    | Warga Emas    | Bekas Pengerusi Peladang     | Pengurus              | Ahli Jemaah pengarah      |
| Responden 4 | Lelaki    | Dewasa        | Petani                       | Kontraktor            | Tanaman sawit             |
| Responden 5 | Lelaki    | Warga Emas    | Bekas Ketua Pusat Pertaniann | Ketua Pusat Pertanian | Menjaga Kawasan Terlibat  |
| Responden 6 | Perempuan | Dewasa        | Jurutera Pertanian           | Ekonomi Pertanian     | Menjaga projek pertanian  |
| Responden 7 | Perempuan | Warga Emas    | Bekas Ketua Unit             | Ketua Unit            | Pencen                    |
| Responden 8 | Lelaki    | Dewasa        | Pegawai Projek               | Ekonomi               | Projek PPRT, PPK Peladang |

### Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, pengkaji mengumpul data menggunakan triangulasi kaedah iaitu dengan melakukan temubual semi struktur serta melakukan pemerhatian sepanjang kajian dijalankan. Pemerhatian dilakukan dan maklum balas responden direkodkan. Kajian ini juga menggunakan kaedah triangulasi data bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Triangulasi kajian ini adalah triangulasi sumber di mana pengkaji menggunakan pelbagai sumber data atau kaedah pengumpulan data bagi mendapatkan gambaran yang menyeluruh terhadap fenomena yang dikaji (Chua Yan Piaw, 2006 ; Bailey, 2007 & Othman Lebar, 2006). Dalam kajian ini, triangulasi dilakukan secara temubual semi struktur, pemerhatian serta maklum balas responden bagi memastikan konsistensi maklumat yang diperolehi daripada petani dan pegawai agensi pertanian.

### Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dimulakan dengan mendapatkan kebenaran serta kerjasama daripada agensi-agensi pertanian di negeri Terengganu. Setelah mendapatkan kelulusan, pengkaji menghubungi responden yang berpotensi untuk mendapatkan persetujuan mereka bagi menyertai kajian. Sebelum sesi temubual dijalankan, pengkaji menerangkan tujuan kajian, prosedur serta etika penyelidikan kepada responden bagi memastikan penglibatan mereka secara sukarela. Untuk melaksanakan kajian ini, pengkaji juga mengumpul data menggunakan kaedah kualitatif di mana proses pengumpulan dimulai dengan tiga peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas kutipan data dilakukan. Melalui kaedah ini, pengkaji menghubungi responden melalui panggilan telefon terlebih dahulu dan seterusnya merancang pertemuan

awal. Setelah semua responden memahami keperluan penglibatan dalam kajian yang dilaksanakan, pengkaji akan mengatur pertemuan secara fizikal untuk melaksanakan sesi temu bual beserta soalan-soalan yang dikemukakan.

### Dapatan Kajian


Dapatan kajian berasaskan kategori maklum balas responden boleh diringkaskan seperti jadual berikut :

| Item-item (Dimensi) | Kekerapan | Peratusan |
|---------------------|-----------|-----------|
| Komunikasi          | 10        | 34        |
| Pemasaran           | 5         | 17        |
| Agen Perubahan      | 6         | 21        |
| Perubahan Mindset   | 5         | 17        |
| Polisi Kerajaan     | 3         | 11        |
| Jumlah              | 29        | 100.00    |

Terdapat lima dimensi utama yang mempengaruhi keberkesanan dalam transformasi sektor pertanian iaitu komunikasi, pemasaran, agen perubahan, perubahan mindset dan polisi kerajaan. Secara keseluruhannya, sebanyak 29 kekerapan kod telah direkodkan daripada temu bual yang dianalisis. Daripada jumlah tersebut, tema komunikasi merupakan isu yang paling dominan dengan kekerapan sebanyak 10 kali, mewakili 34 peratus daripada keseluruhan data. Tema ini mencerminkan pandangan responden bahawa aspek komunikasi antara agensi pertanian, pegawai pelaksana dan petani memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan program serta penyampaian maklumat berkaitan pembangunan sektor pertanian.

Selain itu, tema agen perubahan mencatatkan kekerapan kedua tertinggi iaitu sebanyak 6 kali atau 21 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa peranan individu atau pihak yang bertindak sebagai pemangkin perubahan dalam sektor pertanian dilihat penting dalam menggerakkan transformasi serta memperkenalkan amalan pertanian yang lebih berdaya saing. Seterusnya, tema pemasaran dan perubahan mindset masing-masing mencatatkan kekerapan sebanyak 5 kali atau 17 peratus. Sekalipun tema pemasaran tidak banyak diungkapkan oleh petani, namun mereka sedar akan kepentingan peranan agensi dalam memperkukuh aspek pemasaran. Contohnya, petani berharap campurtangan pihak kerajaan melalui peranan agensi pertanian (seperti FAMA) terus ditagih khususnya dalam usaha mereka berdepan dengan peranan orang tengah serta dalam menghadapi isu naik turun harga produk pertanian.

Dapatan turut menunjukkan bahawa aspek pemasaran hasil pertanian serta sikap dan pemikiran petani terhadap inovasi dan perubahan *mindset* turut menjadi faktor yang mempengaruhi perkembangan sektor pertanian di negeri Terengganu. Akhir sekali, tema polisi kerajaan mencatatkan kekerapan paling rendah iaitu sebanyak 3 kali atau 11 peratus. Walaupun kekerapan tema ini lebih rendah berbanding tema lain, responden masih menekankan bahawa dasar dan sokongan kerajaan memainkan peranan penting dalam membentuk hala tuju pembangunan sektor pertanian. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa isu komunikasi merupakan cabaran utama yang dikenalpasti oleh responden diikuti peranan agensi sebagai agen perubahan, pemasaran, perubahan minda serta polisi kerajaan. Tema-tema ini memberikan gambaran awal tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan transformasi sektor pertanian di negeri Terengganu.



**Rajah 2: Gambarajah Pokok Kekerapan Tema-tema Kualitatif**

Dapatan kajian dalam bentuk susunan tema dan kekerapan ini dirumuskan ke dalam rajah pokok sebagaimana yang tertera pada rajah 2.0. Jumlah kekerapan responden menyebut perkataan-perkataan tertentu dikelompokkan menjadi tema data mentah. Berdasarkan gambarajah pokok berkenaan, satu analisis kekerapan tema boleh dirumuskan dengan terdapat dua kelompok tema yang dikenalpasti iaitu tema masalah yang datang dari pihak agensi dengan 24 kekerapan manakala masalah lain yang dikesan adalah tema masalah dari pihak petani dengan 5 kekerapan. Penggolongan ini membentuk tema yang akan digabungkan oleh pengkaji bagi mengenalpasti masalah-masalah berkaitan dengan sektor pertanian yang sedang dijalankan.

Hasilnya, satu tema besar telah dirumuskan iaitu tahap keberkesanan sektor pertanian di negeri Terengganu. Tema-tema berkenaan dibina berdasarkan kekerapan yang timbul iaitu masalah yang dihadapi dengan kekerapan; komunikasi 10 kekerapan atau 34 peratus, pemasaran 5 kekerapan atau 17 peratus, manakala agen perubahan kekerapan sebanyak 6 kali dengan peratusan 21%, perubahan *mindset* sebanyak 5 kekerapan atau 17 peratus dan polisi kerajaan 3 kekerapan atau 11 peratus.

Analisis kekerapan dalam data menunjukkan bahawa tema komunikasi merupakan tema yang mempunyai kekerapan terbanyak iaitu 10 kekerapan atau sebanyak 34 peratus. Tema ini adalah jawapan responden kepada soalan berkaitan tahap keberkesanan sektor pertanian di negeri Terengganu. Manakala tema agen perubahan dicatat kedua tertinggi peratusan dari segi kekerapan yang disebut responden iaitu 21 peratus. Pengkaji akan memberi perhatian kepada kedua-dua dimensi ini bagi mengenalpasti isu yang diutarakan oleh responden.

### **Dimensi Komunikasi**

Data dalam Rajah 2.0 menunjukkan terdapat jurang komunikasi yang ketara antara agensi yang terlibat dengan petani. Jurang ini jelas dilihat melalui pengalaman beberapa responden yang menyatakan bahawa maklumat berkaitan pertanian tidak sampai secara menyeluruh kepada petani di peringkat bawahan. Data yang diperolehi hasil temubual yang telah dikumpulkan menunjukkan responden 1 (R1) memulakan perbualan dengan memberi pendapat bahawa pegawai jarang turun ke kawasan mereka untuk memberi penerangan berkaitan aktiviti pertanian. Sebaliknya, maklumat yang diperolehi mereka adalah bersumberkan petani yang lebih berpengalaman di kawasan lain. R1 menyatakan:

“Untuk kawasan Pelagat, pegawai tidak turun ke sawah untuk memberi penerangan. Cuma bagi siaran sahaja dan kebiasaannya kami mengambil maklumat dari pihak petani kawasan Ketara (Kawasan Pembangunan Pertanian Terengganu Utara) kerana di sana banyak pendedahan yang dibuat”.

Pernyataan ini menunjukkan bahawa R1 tidak menerima maklumat yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti pertanian di kawasannya. Hal ini menggambarkan bahawa komunikasi daripada pihak pegawai tidak sampai secara efektif ke peringkat bawahan. Pendapat ini turut disokong oleh Responden 3 (R3) yang menyatakan bahawa tiada perkongsian maklumat antara IADA Ketara dan Jabatan Pertanian, khususnya bagi kawasan luar Jelapang. Menurut R3:

“Tiada perkongsian maklumat antara IADA Ketara dan Jabatan Pertanian. Bimbingan tidak sampai kepada kawasan luar Jelapang, mungkin suatu masa nanti luar Jelapang akan dimasukkan di bawah IADA Kerata”.

Situasi ini menunjukkan wujudnya jurang komunikasi antara pihak agensi dan para petani, terutamanya bagi kawasan yang tidak termasuk dalam kawasan pembangunan pertanian utama. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa Jabatan Pertanian kurang memberi perhatian kepada petani yang menjalankan pertanian menggunakan kaedah fertigasi. Fertigasi merupakan kaedah penanaman yang menggunakan system pengairan dan pembajaan secara terkawal tanpa menggunakan tanah secara langsung serta memerlukan cahaya matahari sekurang-kurangnya enam jam sehari. R2, yang sedang menjalankan penanaman cili secara fertigasi, menyatakan bahawa beliau memperoleh maklumat berkaitan kaedah ini melalui usaha sendiri tanpa bantuan daripada Jabatan Pertanian. R2 menyatakan:

“Jabatan Pertanian tidak membantu. Semua perlu membuat pencarian sendiri. Jabatan Pertanian hanya fokus kepada projek kelompok bawah jabatan. Segala bantuan perlu usaha cari sendiri. Pernah pergi ke Jabatan (MYGAP) tetapi tidak banyak membantu”.

Walaupun penanaman secara fertigasi semakin berkembang, maklumat berkaitan kaedah ini dilihat kurang disalurkan oleh pihak Jabatan. Hal ini menyebabkan petani seperti R2 terpaksa bergantung sepenuhnya kepada usaha sendiri untuk mendapatkan maklumat dan membangunkan projek pertanian mereka.

Selain itu, pandangan mengenai jurang komunikasi antara agensi dan petani disangkal oleh R8 iaitu wakil dari agensi dimana berpendapat bahawa para petani pada masa kini kurang mendapatkan maklumat dari jabatan sebaliknya mereka cenderung untuk mencari maklumat melalui media sosial seperti WhatsApp, Facebook dan Tiktok, R8 menyatakan:

“Apabila menghadapi masalah, petani tidak datang ke pejabat. Mereka sudah kurang ke pejabat untuk mendapatkan maklumat dan lebih tertumpu kepada group WhatsApp, Facebook dan TikTok. Bagi mereka, bimbingan di media sosial lebih dipercayai dari maklumat yang disampaikan oleh pegawai”.

Namun begitu, masih terdapat isu berkaitan komunikasi dari atas ke bawah (*top down*) yang menyebabkan berlakunya salah faham antara pihak agensi dan petani. Sebagai contoh, R8 menyatakan bahawa terdapat kes di mana petani memohon jenis racun tertentu namun jabatan menyediakan racun yang berbeza daripada keperluan sebenar. Ini menunjukkan bahawa sistem komunikasi antara petani dan pegawai adalah tidak berkesan.

Masalah komunikasi berlarutan dimana ada responden (R1) yang berpendapat pihak jabatan haruslah mendengar pandangan petani bagi mengelakkan kekeliruan sepanjang menjalankan aktiviti pertanian di negeri tersebut. Menurut R1:

“Pihak jabatan tiada pengesyoran dan hanya terima sahaja apa yang petani buat. Pihak Jabatan hanya membuat pemantauan di bahagian akhir sahaja dan ianya hanya mahu mengetahui jumlah pengeluaran untuk subsidi. Pihak jabatan juga hanya membuat pemantauan akhir sahaja dan ianya hanya mahu mengetahui jumlah pengeluaran untuk subsidi. Mereka tidak memberi cadangan dan pandangan dari awal. Pandangan sangat diperlukan bagi para petani dalam mengusahakan hasil”.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat jurang komunikasi yang signifikan antara agensi pertanian dengan pihak petani terutamanya dalam aspek penyampaian maklumat dan bimbingan teknikal. Jurang ini jelas berlaku dalam kalangan petani di kawasan luar Jelapang yang kurang berpeluang mendapat pendedahan secara langsung daripada pihak agensi pertanian. Dapatan juga menunjukkan bahawa penglibatan pegawai yang terlibat sangat terhad dan ia menyebabkan petani lebih bergantung kepada sumber tidak formal seperti rakan oetani atau pengalaman sendiri untuk mendapatkan maklumat tentang pertanian yang sedang diusahakan. Keadaan ini menandakan bahawa saluran komunikasi rasmi daripada agensi tidak berfungsi secara berkesan dan kurang membantu. Selain itu, kajian turut mendapati bahawa perkongsian maklumat antara pegawai yang terlibat adalah lemah dan dapat dilihat dari sebahagian kawasan terlibat tidak mendapat maklumat yang sama dalam urusan pertanian. Hal ini menyebabkan kawasan yang terlibat terutamanya di luar Jelapang tidak menerima bimbingan yang sepatutnya oleh pihak agensi.

Selain itu, terdapat juga kekurangan sokongan terhadap petani yang menjalankan kaedah penanaman secara fertigasi dimana petani perlu berusaha sendiri bagi mendapatkan maklumat dan kemahiran yang diperlukan. Ini menunjukkan bahawa peranan agensi dalam menyokong penanaman moden masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Kajian juga mendapati terdapat perbezaan persepsi antara pihak petani dan agensi. Petani melihat agensi kurang memainkan peranan dalam menyampaikan maklumat manakala pihak agensi berpandangan bahawa pihak petani kini cenderung untuk mendapatkan maklumat melalui media sosial berbanding saluran rasmi yang boleh didapati di pejabat pertanian terutamanya. Disamping itu, dapatan menunjukkan juga bahawa komunikasi dua hala antara agensi dan pihak petani adalah tidak berkesan khususnya dalam memenuhi keperluan sebenar petani. Ini dapat dilihat apabila berlakunya ketidakpadanan antara sumber yang disampaikan dengan keperluan sebenar petani. Apa yang dapat pengkaji simpulkan adalah peranan agensi dilihat lebih tertumpu kepada pemantauan di peringkat akhir berbanding bimbingan berterusan yang menyebabkan petani kurang mendapat sokongan menyeluruh sepanjang aktiviti pertanian dijalankan.

## **Dimensi 2: Agen Perubahan**

Agen Perubahan dilihat menjadi dimensi kedua tertinggi yang dilaporkan sepanjang sesi temubual dijalankan pada rajah 2. Dalam kajian ini, dimensi agen perubahan diteliti dengan memberi fokus kepada peranan agensi pertanian sebagai pemangkin perubahan dalam kalangan petani. Kajian ini melihat adakah agensi menyalurkan dana atau maklumat melalui program-program atau ceramah-ceramah kepada petani mengenai teknologi penanaman baru tidak kira apa jenis tanaman yang dijalankan dan menjadi titik perubahan dalam bidang pertanian. Temubual dimulai dengan R2 yang memberi kenyataan;

“Ada dijalankan cuma diperingkat awal iaitu cuma sekali contohnya dahulu mereka memberi penerangan kepada penanaman hidroponik dan hanya perkenalkan bagaimana mahu *grow*. Tetapi, penerangan yang diberi cuma sedikit dan sebentar sahaja”.

Ini memperlihatkan bahawa agen perubahan yang dimainkan oleh agensi cuma berlaku diperingkat awal sahaja. Pendapat ini dipersetujui oleh R1 dan R4. Mereka merasakan bahawa matlamat kepada agen perubahan itu tidak dicapai. Kenyataan R1;

“Kita di luar jelapang biasanya dapat maklumat dari pembekal-pembekal benih yang dibuat perjumpaan dengan petani sahaja”.

R4 menyatakan;

“Tiada. Jika ada pun kebanyakannya dari penjual seperti penjual racun”.

Dapat disimpulkan bahawa dari pihak petani, peranan agensi sebagai agen perubahan adalah tidak ada. Agensi tidak memainkan peranan sebagai agen perubahan yang membawa petani-petani untuk meningkatkan hasil tani dan berinovasi dengan proses tanaman. Namun demikian, menurut pihak agensi pertanian, mereka sentiasa menyalurkan dana dan bantuan bagi memastikan kelancaran aktiviti pertanian dijalankan. Kenyataan ini diperkukuh oleh R5;

“Saya telah tandatangan untuk menyalurkan dana sejumlah RM200,000 untuk pertanian ketika di bawah pentadbiran saya. Kita buat bersungguh untuk membantu dan mendidik para petani untuk berjaya”.

Dapatan ini disokong oleh R7 di mana menurut R7;

“Bantuan dari PPK Gerai juga ada, pihak PPK telah beri modal kepada 7 orang petani iaitu sejumlah RM3000 seorang bagi meneruskan projek keledak yang telah dijalankan mereka”.

Selain itu, responden lain iaitu R8 memberi maklum balas bahawa pihaknya menjadi agen perubahan bagi pertanian dalam bidang teknologi dan penyampaian maklumat yang berkaitan;

“Bila saya terlibat dengan bidang teknologi, saya gunakan ia untuk menyebarkan cara-cara dan kaedah untuk bertani”.

Dapatan menunjukkan secara keseluruhannya, peranan agensi pertanian dilihat masih tidak menyeluruh dan kurang berkesan dari perspektif petani, walaupun pihak agensi menyatakan mereka telah melaksanakan pelbagai inisiatif. Data dari hasil temu bual menunjukkan bahawa penglibatan pihak agensi lebih tertumpu kepada fasa permulaan sahaja seperti memberi penerangan awal namun tidak disusuli dengan bimbingan dan maklumat berterusan. Ini menunjukkan bahawa fungsi agen perubahan tidak berlaku secara konsisten atau berpanjangan. Responden R1 dan R4 memberi pendapat bahawa matlamat agen perubahan tidak dicapai kerana kurangnya penglibatan aktif dari pihak agensi. Ini mencerminkan jurang yang wujud antara peranan yang sepatutnya dimainkan oleh agensi dan realiti di lapangan. Ini menyebabkan sebahagian besar petani melihat bahawa agensi tidak berfungsi sebagai agen perubahan yang membantu meningkatkan hasil atau mendorong inovasi dalam aktiviti pertanian. Ini menunjukkan bahawa terdapat ketidaksepadanan persepsi antara petani dan agensi pertanian. Walaupun agensi menyediakan bantuan kewangan dan sokongan tertentu, peranan mereka sebagai agen perubahan terutamanya dari aspek bimbingan berterusan dan pembangunan petani masih tidak konsisten dalam pelaksanaannya.

## Kesimpulan

Secara amnya boleh dikatakan bahawa peranan agensi pertanian sebagai medium komunikasi dan agen perubahan di negeri Terengganu masih belum mencapai tahap yang memuaskan berdasarkan maklumat majoriti responden yang terlibat. Keberkesanan agensi sebagai perantara antara dasar dan pelaksanaan di peringkat petani didapati masih terhad, sekali gus menjejaskan kelancaran penyampaian maklumat serta sokongan yang diperlukan oleh petani. Sehubungan dengan itu, usaha penambahbaikan secara menyeluruh perlu dilaksanakan termasuklah

penstrukturan semula pendekatan komunikasi, pengukuhan hubungan dua hala antara agensi dan petani serta peningkatan kecekapan perkhidmatan sokongan dalam kalangan pegawai yang terlibat. Langkah ini adalah penting bagi memastikan komunikasi yang berkesan dapat diwujudkan seterusnya menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan hasil pertanian di negeri Terengganu secara berterusan.

## Rujukan

- Ahmad Fahmi, Rosli Mohammed & Mohd Khairie (2016). Peranan Agen Pengembangan Dalam Mempengaruhi Petani Menggunakan Teknologi Komunikasi di MADA. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*. Penerbit : Universiti Utara Malaysia
- Bahaman Abu Samah, Jegak Uli, Khadijah Alavi. (2009). *Media dan Perkembangan Pertanian Ke Arah Memperkasakan Komuniti Luar Bandar*. Penerbit: Universiti Putra Malaysia.
- Bailey, C. A. (2007). *A guide to qualitative field research* (2<sup>nd</sup> ed.). Thousand Oaks, CA: Pine Forge Press.
- Balitbangkes. (2018). *Panduan Penelitian dan Pelaporan Penelitian Kualitatif*, Edisi 1. Jakarta: Lembaga Penerbit Badan Penelitian dan Pengembangan Kesehatan.
- Blandford, S. (2004). *Panduan pengurus peringkat pertengahan di Sekolah*. Terj. Bahariah Yusof. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Braun, V. dan Clarke, V. (2006). "Using Thematic Analysis in Psychology". *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101. doi: 10.1191/1478088706qp0630a.
- Bruce A, Jackson C, Lamprinopoulou C. 2021. Social Networks and farming Resilience. *Sage J*. 50(2): 196-205. Doi: 10.1177/0030727020984812.
- Buntat, Y., & Hassan, M. S. (2003). *Kemahiran komunikasi dalam meningkatkan keyakinan diri pelajar*. Satu Tinjauan di Kalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa, Universiti Teknologi Malaysia. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan*. Buku 1. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, Conducting, and evaluating qualitative & quantitative research* (3<sup>rd</sup> ed.). Upper Saddle River, NJ: Merrill.
- Nor Diana Mohd Idris, Chamhuri Siwar, Basri Talib & Madeline Berma (2010). Penentu sosioekonomi terhadap pendapatan dan kemiskinan luar bandar : Kajian kes projek pembangunan pertanian bersepadu di Samarahan, Sarawak, Malaysia. *Jurnal Perspektif*, 1(5), 1-18.
- Nor Malina Malek & Mohd Zulkifli Ani (2024). Faktor Penyebab Peningkatan Tanah Terbiar di Negeri Kedah Darulaman. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 9(1), e002665. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i1.266>.
- Othman Lebar. (2006). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Portal Rasmi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)(2026). Pertanian, Perhutanan dan Perikanan. Diakses dari : <http://dosh.gov.my/perundangan/garis-panduan/pertanian-perhutanan-dan-perikanan/>
- Rozali, Y. A. (2022). "Penggunaan Analisis Konten dan Analisis Tematik". *Forum Ilmiah*, 19(1), 68-76. Tersedia pada: [www.researchgate.net](http://www.researchgate.net).
- Shahrina, N.M., Noor, S.M. & Saad, M.S.B.M. 2014. Innovation diffusion of new technologies in the Malaysian paddy fertilizer industry. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 109: 768-778.

Subsektor Tanaman Penyumbang Utama Pendapatan Pertanian (2026, April 17). Bernama  
Online : <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/subsektor-tanaman-penyumbang-utama-pendapatan-pertanian-beberapa-negeri-dosm>